



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

---

### **JEJAK PRIHATIN MENYANTUNI GOLONGAN MISKIN BANDAR DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

1. Hampir 4,000 orang sukarelawan ‘Prihatin Volunteer’ (PriVo), Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP), AJK surau, masjid dan NGO akan digerakkan untuk menjelajai golongan miskin tegar, miskin bandar dan yang memerlukan bantuan makanan, kebajikan, kesihatan, termasuk kesihatan mental dan kerohanian dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan.
2. Program yang dinamakan sebagai Jejak Prihatin ini dilaksanakan secara berterusan pelaksanaannya bermula dengan fasa pertama pada 14 hingga 28 Julai 2021. Jejak Prihatin merupakan langkah proaktif yang bertujuan untuk menggerakkan usaha mencari golongan yang terkesan akibat pandemik Covid19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta menghulurkan bantuan dengan segera tanpa perlu menunggu sehingga keadaan mereka semakin kritikal.
3. Seramai 15,000 termasuk 3,853 keluarga miskin tegar sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah disenaraikan untuk dijejaki oleh pasukan Jejak Prihatin bermula hari ini. Pada fasa pertama, 7,000 keluarga akan dijejaki terlebih dahulu.
4. Selain menjelajai dan bertanya khabar, sukarelawan yang terlibat dalam program Jejak Prihatin ini juga akan membantu mengedarkan 7,000 paket bekalan makanan kering yang disumbangkan oleh pelbagai pihak, termasuk badan korporat melalui Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) kepada pihak yang memerlukan.
5. Sukarelawan Jejak Prihatin ini juga akan membantu menyampaikan maklumat dan membuat semakan mengenai inisiatif Prihatin Kasih, iaitu bantuan kepada golongan rentan bandar sebanyak RM100 sebulan yang diberikan oleh kerajaan terus kepada mereka melalui MyKad bermula Julai hingga September 2021.
6. Program Jejak Prihatin ini akan diselaraskan oleh YWP selaku pelaksana induk. Sumbangan dan bantuan daripada orang ramai, termasuk daripada organisasi korporat amat diperlukan bagi memastikan seramai mungkin warga Wilayah Persekutuan dapat dibantu secara berterusan. Bagi sumbangan berbentuk tunai kepada YWP, resit pelepasan cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 akan diberikan.

7. Semoga melalui inisiatif Jejak Prihatin ini, tiada pihak yang ketinggalan dan setiap golongan miskin, miskin bandar dan yang memerlukan bantuan dalam WP dapat dibantu dengan segera sebelum keadaan mereka menjadi terlalu terdesak.

**“Perangi Covid-19: Tingkatkan Usaha, Menang Bersama”**

**TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**14 Julai 2021**